



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN KPDNHEP BULAN APRIL 2022

PADA

21 APRIL 2022 (KHAMIS)

TEMPAT

DEWAN SERBAGUNAN ARAS G

TERIMA KASIH SAUDARA/SAUDARI PENGACARA MAJLIS

YB DATO' ROSOL BIN WAHID

TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

YBHG. TUAN AZMAN BIN YUSOF

KETUA SETIAUSAHA KPDNHEP

YBHG. DATUK ROZIAH BINTI ABUDIN

TKSU (PEMBANGUNAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI)

YBHG. DATIN ROSZANINA BINTI WAHAB

TKSU (PENDAYAUPAYAAN PENGGUNA)

KETUA-KETUA AGENSI

PENGARAH-PENGARAH KANAN SEKTOR DAN PENGARAH-
PENGARAH BAHAGIAN

WARGA KERJA KEMENTERIAN

SALAM SEJAHTERA, SALAM KELUARGA MALAYSIA

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya bersyukur kerana kita dapat sama-sama berhimpun pada pagi yang berbahagia ini bagi meraikan Majlis Perhimpunan Bulanan KPDNHEP Bulan April 2022.
2. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada semua warga kementerian. Nampaknya semua sudah menghitung hari untuk meraikan Hari Raya Aidilfitri hanya tinggal beberapa hari lagi. Diharapkan semua warga kementerian dapat membuat persediaan dan berbelanja dengan berhemah serta tidak berlebihan walaupun sudah 2 tahun tidak menyambutnya.
3. Walaupun negara kita sedang menuju **fasa peralihan endemik pada 1 April 2022**, namun jangan kita leka untuk sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) terkini yang sedang berkuatkuasa demi keselamatan bersama.

PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

PENCAPAIAN PENGUATKUASAAN

4. Terima kasih diucapkan kepada host untuk perhimpunan kali ini iaitu gabungan daripada bahagian audit dalam dan tribunal tuntutan pengguna (TTPM).
5. Pada kesempatan ini, izinkan saya untuk berkongsi secara ringkas berhubung **pencapaian tugas penguatkuasaan bagi tahun 2021**.

6. Sepanjang tahun 2021, pelbagai operasi telah kita laksanakan yang memberi impak berganda kepada pertumbuhan perdagangan domestik dan perlindungan kepada pengguna dengan **memperkenalkan beberapa operasi khas** antaranya Ops Suri, Ops Ria, Ops Menu, Ops Catut, Ops Rantai, Ops Indah, Ops Tiru, Ops Suci, Ops Sona, Ops Bling, Ops Spanar, Ops Goreng, Ops Ampai, Ops Inap dan Ops GP. Hasil usaha dan kerjasama anggota yang bertugas tanpa mengira waktu, kesemua ops dan sasaran ditetapkan berjaya dicapai. Tahniah diucapkan.

7. Ops terbaru yang baru diperkenalkan adalah **Ops Pantau**. Tujuannya adalah untuk memastikan keberadaan bekalan barang yang menjadi tumpuan pengguna pada bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri mencukupi dengan harga yang munasabah tanpa ada unsur pencatutan. Ops Pantau juga memberi keutamaan ke atas lain-lain perkara seperti jualan murah, timbangan, barang tiruan, barang cetak rompak, halal dan seumpamanya.

8. Untuk rekod, pada tahun 2021, sebanyak **864,973 premis** telah diperiksa di seluruh negara. Daripada jumlah pemeriksaan tersebut, sebanyak **10,586 kertas siasatan** telah dibuka atas pelbagai kesalahan dengan **nilai rampasan** sebanyak **RM36.15 juta**. Bagi tempoh yang sama **kompaun** yang dikenakan pula adalah sebanyak **RM6.24 juta** dan jumlah **denda** adalah sebanyak **RM1.66 juta**. Sementara itu sebanyak **27,328 aduan** telah diterima dan ke semua aduan tersebut telah disiasat dan penyelesaian aduan adalah 100%.

9. Bagi **pencapaian tahun 2022** pula, berdasarkan statistik sehingga Mac, sebanyak **279,251** premis telah diperiksa di seluruh negara. Daripada jumlah pemeriksaan tersebut, sebanyak **3,992 kertas siasatan** telah dibuka atas pelbagai kesalahan dengan **nilai rampasan** sebanyak **RM13.32 juta**. Bagi tempoh yang sama **kompaun** yang dikenakan pula adalah sebanyak **RM1.66 juta** dan jumlah **denda** adalah sebanyak **RM41 ribu**. Sebanyak **6,706 aduan** telah diterima dan 89.61% aduan berjaya diselesaikan.

10. Selain itu, Bahagian Penguat Kuasa juga telah menetapkan harga siling kit ujian pantas antigen (RTK) Covid-19, diperingkat borong rm16.00 manakala runcit rm19.90, selain mewartakannya sebagai barang kawalan yang bertujuan untuk memastikan peniaga tidak sewenangnyanya menaikkan harga dan memastikan keberadaan bekalan kit ujian di pasaran demi kesejahteraan pengguna.

11. Kementerian juga telah melaksanakan **penetapan harga ayam dan telur ayam** yang berrkuat kuasa pada 5 Februari 2022 sehingga 5 Jun 2022. Pelaksanaan ini dikuatkuasa melalui Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 yang membolehkan kawalan harga dilakukan untuk semua peringkat iaitu pengeluar, pemborong dan peruncit sejajar dengan aspirasi keluarga malaysia 2022.

12. Bagi memastikan keberadaan barang bekalan mencukupi, pemantauan bekalan telah dilakukan melibatkan 2,711 premis peruncit, 1,039 premis pemborong dan 223 pengilang yang dipilih sebagai **premis daerah terpilih**. Sebanyak **25 barang keperluan**

asas yang telah dipantau antaranya ialah gula, minyak masak, tepung gandum, beras, roti putih, susu tepung, ayam, sayur-sayuran, telur, bawang, lpg, pelitup muka dan test kit covid-19.

UCAPAN SEMPENA HARI PENGUAT KUASA KE-50

13. Bulan April merupakan bulan yang paling bermakna dan dinantikan oleh semua pegawai Penguat Kuasa. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan **Selamat Menyambut Hari Penguat Kuasa ke-50** yang jatuh pada 17 April lalu kepada semua anggota penguat kuasa di seluruh negara.

14. Bertemakan '**Komited Mendepani Cabaran**', tentunya ini selari dengan hasrat kerajaan dan kementerian untuk menjadikan fungsi dan perkhidmatan yang akan diberikan oleh penguatkuasaan KPDNHEP terus relevan dalam arus perdana. Sebagai tulang belakang kementerian, gerak kerja warga penguat kuasa juga perlu seiring dengan perkembangan teknologi, perubahan platform dari analog kepada sistem digital dan menjadikan data sebagai kekuatan baru kementerian.

15. Banyak transformasi yang sudah berlaku dalam tempoh 50 tahun ini. Semuanya telah berjaya diharungi dan hasilnya kita boleh lihat sendiri di depan mata pada hari ini. Syabas saya ucapkan!

PERATURAN-PERATURAN TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA (PINDAAN)

16. Peraturan-peraturan Tribunal Tuntutan Pengguna (Pindaan) 2022 telah berjaya dimuktamadkan dan diwartakan pada 18 April 2022. Bagi memastikan kesinambungan pengendalian perbicaraan oleh TTPM tidak terjejas, seramai 5 orang presiden baharu telah dilantik bagi meningkatkan keupayaan melupuskan kes tertunggak dari tahun 2020 dan 2021 dan kes baharu. Sebanyak 2,235 kes iaitu 90% daripada keseluruhan 2,500 kes tertunggak telah berjaya dibuat pendengaran pertama.

PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA (PJKM)

17. Seperti semua sedia maklum, Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) diadakan sebagai salah satu inisiatif kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutamanya pengguna dari kalangan berpendapatan rendah dengan menawarkan pelbagai barangan keperluan harian seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras serta barangan proses dengan harga sehingga 20% lebih rendah daripada harga pasaran setempat.

18. Sehingga April 2022, seluruh kawasan parlimen telah mengadakan PJKM dengan melibatkan **1,446 buah lokasi** dengan kehadiran **2.3 juta** bilangan pengunjung dan jumlah jualan sebanyak **rm46 juta**. YAB Perdana Menteri juga telah bersetuju agar pelaksanaan program ini diteruskan lagi sehingga JUN 2022. Terima kasih kepada semua warga kerja Kementerian khususnya

KPDNHEP negeri atas kesungguhan melaksanakan program ini tanpa henti sejak pelancarannya pada 2 Disember 2021.

HARI HARTA INTELEK NEGARA

19. Hari Harta Intelek Negara pada tahun ini akan disambut pada **26 April 2022 dengan tema ‘Belia Berinovasi: Aspirasi Keluarga Malaysia’**. Tema ini selaras dengan usaha kerajaan untuk melahirkan inovasi dan penciptaan nilai tambah di kalangan belia bagi menjayakan agenda pembangunan negara.

20. Sempena sambutan Hari Harta Intelek Negara 2022, Mylpo akan menganjurkan webinar bertajuk *“IP AND YOUTH INNOVATING FOR A BETTER FUTURE”*. Saya difahamkan, webinar ini mendapat kerjasama dari World Intellectual Property Organization (WIPO).

21. Untuk merancakkan ekonomi negara ke arah yang lebih mampan, berdaya tahan dan tangkas, Mylpo perlu melihat potensi untuk berkolaborasi dengan pihak berkepentingan yang berkaitan bagi meningkatkan pemfailan harta intelek tempatan. Peningkatan harta intelek tempatan akan menyumbang kepada penarafan negara di peringkat antarabangsa melalui laporan global innovation index, global competitiveness report dan world competitiveness yearbook.

PRICE CATCHER

22. Kementerian telah menyediakan aplikasi pricecatcher yang boleh dimuat turun melalui platform android dan IOS bagi membolehkan pengguna membuat perancangan perbelanjaan

dengan sebaiknya. Saya menyeru warga KPDNHEP untuk mengajak keluarga untuk menggunakan pricecatcher ini untuk membuat perbandingan harga sebelum membuat pembelian dan ingatlah: “banding harga, baru beli”.

23. Pada masa sama, kementerian juga terus memantau harga barangan sepanjang bulan Ramadan dan juga menjelang Aidilfitri kelak, terutamanya bagi item-item yang signifikan kepada pengguna seperti ayam, telur ayam, sayur dan daging.

KELULUSAN PELESENAN KEBENARAN PDA BAGI TAHUN 2021 DAN TAHUN 2022

24. Pencapaian bagi kelulusan kebenaran PDA bagi aktiviti memasar dan mengedar bahan-bahan petroleum di bawah kementerian ini bagi suku pertama tahun 2022 berbanding suku pertama bagi tahun 2021 menunjukkan peningkatan yang begitu ketara iaitu sebanyak **111%**, di mana 785 kelulusan dicatatkan pada tahun 2022 berbanding 372 kelulusan bagi tempoh sama tahun 2021. Pihak kementerian menjangkakan jumlah permohonan dan kelulusan kebenaran PDA dijangka akan terus meningkat lebih tinggi pada bulan – bulan yang akan datang pada tahun ini.

25. Peningkatan ini membuktikan kegiatan ekonomi malaysia kembali rancak seperti sediakala dan peranan kementerian ini amat penting untuk mengawalselia dan memudahcara industri minyak dan gas supaya dapat menjalankan perniagaan ke arah yang lebih produktif dan kompetitif serta menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara.

KES PENDENGARAN RAYUAN DAN PROGRAM ADVOKASI DI BAWAH TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN

26. Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) sedang mengendalikan 27 kes pendengaran rayuan yang kesemuanya masih berjalan dan dijangka akan selesai pada penghujung tahun ini atau suku pertama tahun 2023. Program advokasi penubuhan dan fungsi tribunal rayuan persaingan telah dilaksanakan dan TRP juga merancang untuk melaksanakan 6 lagi program advokasi di beberapa negeri yang lain dan sedang mendapatkan kerjasama daripada beberapa NGO di negeri-negeri tersebut. Ini supaya maklumat berkenaan fungsi dan peranan TRP dapat disampaikan dengan lebih meluas kepada masyarakat setempat.

KAJIAN SEMULA PASARAN DI BAWAH AKTA PERSAINGAN 2010 BAGI SEKTOR PENGANGKUTAN DI MALAYSIA DAN PINDAAN KEPADA AKTA PERSAINGAN 2010

27. Pada 5 Oktober 2021, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah melancarkan kajian semula pasarannya yang ke-7, bertajuk '**Kajian Semula Pasaran Di Bawah Akta Persaingan 2010 Bagi Sektor Pengangkutan Di Malaysia (Ekosistem Logistik Pelabuhan dan Waranti Kenderaan Bermotor)**'. Kajian ini dilihat telah membawa pelbagai impak positif yang antaranya termasuk kajian semula dasar-dasar yang berkaitan dengan peraturan bengkel-bengkel kereta di Malaysia dan pertimbangan untuk memperkenalkan Lemon Law di Malaysia.

28. Mycc juga telah memulakan proses meminda Akta Persaingan 2010 (Akta 712) untuk memperkenalkan kuasa kepada MyCC bagi mengawal penggabungan dan pengambilalihan syarikat yang akan membentuk entiti monopoli dalam negara. Melalui kuasa ini, sebarang penggabungan dan pengambilalihan syarikat perlu mendapat kebenaran daripada MyCC.

INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN (RETAIL DIGITALISATION INITIATIVE – REDI)

29. Untuk makluman semua, pada 19 Februari 2021, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Rangka Tindakan (blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (mydigital) bagi memastikan 875,000 perusahaan mikro, kecil dan sederhana menerima e-dagang, memberi peluang 500,000 peluang perniagaan serta akan memberi sumbangan sebanyak 22.6% kepada keluaran dalam negara kasar (kdnk) menjelang tahun 2025.

30. Berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan transaksi e-dagang melonjak hingga 30% iaitu bersamaan RM254.6 bilion pada suku pertama tahun 2021 sahaja.

31. selain itu, menurut laporan kajian Paynett 2022 yang dikeluarkan baru-baru ini, peratusan rakyat malaysia menggunakan wang tunai untuk pembayaran telah menurun kepada 11% iaitu 78% berbanding sebelum pandemik iaitu 89%. Statistik ini menunjukkan bahawa digitalisasi pembayaran secara cashless telah mula diterima pakai dan dijangka akan menjadi pembudayaan rakyat dalam

tempoh akan datang.

32. Dalam konteks ini, KPDNHEP telah menggerakkan susun kerja dalam memastikan agenda digitalisasi menjadi objektif utama sektor peruncitan. Tumpuan utama kementerian adalah keperluan bagi peniaga di peringkat mikro dan kecil dapat menerima serta mengguna pakai e-wallet.

33. Sehubungan itu, kementerian telah melancarkan inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan atau Retails Digitalisation Initiative (REDI) yang merupakan langkah proaktif kementerian bagi memastikan pemain industri sektor peruncitan kekal bersedia menghadapi model perniagaan baharu berasaskan digitalisasi. Menerusi pelaksanaan program REDI ini yang berkolaborasi dengan pelbagai pihak termasuklah kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan (PBT), Bank Negara Malaysia serta KPDNHEP negeri, kementerian yakin sasaran meluaskan REDI ke 15,000 peniaga seluruh negara akan dapat dicapai.

34. Kementerian melalui SPIP sedang melaksanakan secara aktif program REDI ini di seluruh negara dan antara lokasi yang telah dilaksanakan adalah di Putrajaya, Kuala Berang Terengganu, Kapit, Sarawak dan di Pulau Pangkor, Perak.

ISU-ISU KENAIKAN HARGA BARANG UTAMA SEPERTI GULA, MINYAK MASAK DAN TEPUNG GANDUM

Hadirin yang saya hormati sekalian

35. Pada tahun 2022, keadaan ekonomi Malaysia masih lagi mencabar, walaupun negara sedang beralih ke fasa endemik. Cabaran utama yang mendepani KPNDHEP pada masa ini, termasuklah isu-isu kenaikan harga barang utama seperti gula, minyak masak dan tepung gandum.

36. Untuk makluman semua, KPNDHEP sedang berusaha keras untuk menstabilkan harga barangan-barangan ini. Kita semua harus sedar bahawa kenaikan harga barangan ini tidak dapat dielakkan sepenuhnya, kerana kenaikan ini mempunyai kaitan dengan kenaikan harga komoditi-komoditi di pasaran global. Namun demikian, bagi meringankan kesan kenaikan harga komoditi-komoditi ini kepada harga barangan di pasaran tempatan, KPNDHEP komited dan berusaha untuk memastikan program-program subsidi kepada barangan keperluan seperti minyak masak dan tepung gandum diteruskan.

37. Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS), minyak masak bersubsidi dalam polibeg diteruskan untuk membantu kumpulan sasar B40 dengan kuota yang sama iaitu sebanyak 60 ributan metrik sebulan, meskipun perbelanjaan program ini telah meningkat tinggi.

38. Kerajaan juga bersetuju melanjutkan program Mekanisme Kawalan Harga Minyak Masak sehingga 31 Mei 2022, untuk mengawal harga minyak masak dalam botol agar tidak membebankan rakyat dengan harga di bawah RM30 sebotol bagi botol 5kg. Program ini telah diberi pelanjutan sebanyak 3 kali, mengambil kira harga komoditi sawit yang masih tinggi pada masa

ini.

39. Program subsidi tepung gandum (PSTG), tepung gandum bersubsidi diteruskan dengan kuota sebanyak 100 ribu tan metrik setahun.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

40. Semua program yang disebutkan tadi menelan belanja yang besar dan jumlah melaksanakan program tersebut kini mencecah angka berbilion ringgit. Oleh itu, kita semua seharusnya bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan yang amat mengambil berat tentang kesejahteraan rakyat khususnya membantu dalam meringankan kos sara hidup yang semakin meningkat tinggi.

Penutup

41. Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga KPDNHEP atas usaha dan komitmen yang diberikan. Marilah kita berganding bahu untuk memulihkan ekonomi negara dengan semangat Keluarga Malaysia. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Penguat Kuasa Ke 50 Tahun 2022 kepada semua anggota penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara.

Sekian dan terima kasih.